

Hampir separuh mangsa telah pulang ke rumah sendiri

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM
dan SHAH NIZAM OMAR
berita@kosmo.com.my

ALOR SETAR – Keadaan di semua kawasan yang dilanda banjir di Kedah semakin pulih apabila bilangan mangsa yang dipindahkan

terus berkurangan mulai petang semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara ketika dihubungi berkata, jumlah keseluruhan mangsa yang masih berada di pusat-pusat pemindahan banjir sehingga pukul 5 petang semalam

telah berkurangan kepada 5,103 orang berbanding 11,495 orang kelmarin.

Di daerah Kota Setar pula, jumlah mangsa banjir yang masih berada di pusat pemindahan adalah seramai 3,342 orang daripada 816 keluarga dan di Kubang Pasu, se-

ramai 1,761 orang daripada 517 keluarga.

Jurucakap itu berkata, sebanyak 16 pusat pemindahan masih dibuka, lapan daripadanya di Kota Setar dan lapan lagi di Kubang Pasu.

Sementara itu di **Perlis**, mangsa banjir kini cuma tinggal 327 orang

daripada 85 keluarga yang masih ditempatkan di lima pusat pemindahan aktif di sekitar daerah ini dan Arau semalam.

Kesemua mangsa banjir ini dijangka pulang ke rumah masing-masing dalam masa beberapa hari lagi.